

Prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia Kumpulan Asahi

Kumpulan Asahi ialah kumpulan korporat antarabangsa yang bersatu atas kebanggaan terhadap produk dan perkhidmatannya serta semangat para pekerjanya di seluruh dunia dalam mencapai misinya untuk “menunaikan janji menyajikan keenakan dan menambahkan keriangin dalam kehidupan”. Kumpulan Asahi berasal dari Jepun, namun kita mempunyai tradisi yang kaya dan beraneka ragam di seluruh pelusuk dunia, dan kita bersungguh-sungguh dalam membangunkan perniagaan kita bertumpukan hubungan yang mampan dengan planet dan masyarakat kita.

Prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia Kumpulan Asahi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Prinsip-prinsip ini") merupakan intipati asas dalam seluruh operasi perniagaan kita. Prinsip-prinsip ini berdasarkan Falsafah Kumpulan Asahi, Kod Tingkah Laku Kumpulan Asahi, dan Prinsip Kelestarian Kumpulan Asahi, bahkan mengawal kesemua dasar lain berkaitan hak asasi manusia dalam Kumpulan Asahi.

Prinsip-prinsip ini terpakai atas semua pegawai dan kakitangan setiap syarikat dalam Kumpulan Asahi¹. Kita juga menggalakkan semua rakan niaga kita, termasuk pembekal kita, untuk mengiktiraf lalu mematuhi Prinsip-prinsip ini, demi bekerjasama mencapai komitmen kita terhadap hak asasi manusia dalam operasi perniagaan kita.

Lembaga Pengarah Kumpulan Asahi Holdings, Ltd. bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat dalam Kumpulan Asahi mematuhi komitmen hak asasi manusia kita dan mengawasi pelaksanaannya untuk memenuhi komitmen ini.

Komitmen Menghormati Hak Asasi Manusia

Kita menyedari bahawa aktiviti perniagaan kita mungkin mempunyai kesan, sama ada cuma potensi ataupun benar-benar berlaku, terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia, baik dari penyelidikan dan pembangunan, pemerolehan mahupun produk dan perkhidmatan kita. Kita juga mengakui bahawa kehilangan biodiversiti akibat faktor-faktor seperti perubahan iklim, dan pencemaran udara,

¹ “semua pegawai dan kakitangan setiap syarikat dalam Kumpulan Asahi” bererti lembaga pengarah, anggota lembaga audit & pengawalseliaan dan pegawai eksekutif syarikat dalam Kumpulan Asahi, dan sesiapa sahaja yang menjalankan tugas berdasarkan perjanjian pekerjaan dengan mana-mana syarikat Kumpulan Asahi, pekerja lain yang dipinjamkan kepada syarikat Kumpulan Asahi dan pekerja sementara.

tanah dan air, mempunyai impak negatif secara langsung atau tidak langsung terhadap sama ada hak asasi manusia dapat dicapai secara hakiki.

Kita bertekad menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dinyatakan dalam Kenyataan Antarabangsa Hak Asasi Manusia² dan prinsip-prinsip mengenai hak asasi dalam Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip-prinsip dan Hak-hak Asas di Tempat Kerja³.

Kita juga mahu menangani isu-isu sosial seperti perubahan iklim, biodiversiti, diskriminasi, kemiskinan dan lain-lain melalui aktiviti perniagaan kita menurut Prinsip-prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia⁴. Kita akan menghormati hak untuk menikmati alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan. Asahi Group Holdings, Ltd. ialah penandatangan Perjanjian Sejangat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan kita bertekad untuk menjunjung sepuluh prinsip-prinsipnya.

Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai atas perniagaan kita di kesemua negara dan rantau tempat kita menjalankan perniagaan. Sekiranya hak asasi manusia antarabangsa tidak dilindungi dengan memadai oleh undang-undang dan peraturan atau oleh penguatkuasaan di setiap negara atau rantau, kita akan tetap berusaha menjunjung prinsip-prinsip hak asasi manusia yang diiktiraf secara antarabangsa sejauh yang mungkin. Malahan, kita tidak akan bertoleransi terhadap ancaman, ugutan, ataupun serangan, baik secara fizikal mahupun undang-undang, terhadap para pejuang hak asasi manusia.

² Kenyataan Antarabangsa Hak Asasi Manusia merujuk tiga dokumen hak asasi manusia yang diiktiraf di persada antarabangsa: Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat dan dua perjanjian antarabangsa berkaitannya, iaitu Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak-Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya. Dokumen-dokumen ini dianggap sebagai piawai umum yang telah dipersetujui seluruh dunia bagi semua orang dan semua bangsa, dan menyatakan hak asasi manusia yang perlu dilindungi di seluruh dunia.

³ Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip-prinsip dan Hak-hak Asas di Tempat Kerja menyatakan prinsip-prinsip mengenai hak asasi sebagai piawai buruh minimum untuk dilindungi: kebebasan berserikat dan hak rundingan bersama, pembasmian semua jenis buruh paksaan, pemansuhan buruh kanak-kanak secara berkesan, dan penghapusan diskriminasi dalam pekerjaan, dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

⁴ Prinsip-prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, diluluskan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 2011, menjadi piawai antarabangsa rasmi bagi tindakan berkenaan hak asasi manusia dalam konteks perniagaan, menjelaskan apa yang dikehendaki daripada kerajaan dan syarikat untuk menangani impak negatif terhadap hak asasi manusia akibat aktiviti perniagaan.

Komitmen Terhadap Penelitian Wajar Hak Asasi Manusia

Kita akan menjalankan penelitian wajar untuk mengenal pasti, mencegah, dan mengurangkan impak negatif atas hak asasi manusia yang mungkin berkaitan dengan operasi perniagaan kita untuk memenuhi komitmen kita terhadap Prinsip-prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

Kita berniat mengelakkan sebarang pencabulan hak asasi manusia, sama ada diakibatkan secara langsung oleh operasi kita atau secara tidak langsung, atau melalui tindakan pihak lain yang bekerjasama dengan kita, termasuk pembekal kita dan rakan niaga lain. Sekiranya kita mengenal pasti bahawa kita telah menyebabkan atau menyumbang kepada pencabulan sedemikian, kita akan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai, dengan kerjasama rakan niaga kita.

Amatlah penting agar kita memahami sudut pandangan pihak berkepentingan yang terkesan supaya kita dapat mengolah tindak balas yang sesuai untuk menangani sebarang impak buruk dan demi mengelakkan pelanggaran serupa daripada berulang pada masa hadapan. Kita akan berkongsi maklumat tentang isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi perniagaan kita dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuklah pembela hak asasi manusia, secara menepati masa, mengadakan libat urus yang interaktif dan ikhlas, dan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan yang terkesan, dalam inisiatif kita.

Isu Hak Asasi Manusia Berkaitan dengan Perniagaan Kita

Kita, melalui penelitian wajar hak asasi manusia, mengakui bahawa isu-isu hak asasi manusia penting yang berkaitan dengan operasi perniagaan kita adalah seperti berikut:

- **Diskriminasi:** Kita komited dalam menggalakkan kepelbagaian, kesaksamaan & inklusiviti (DE&I) dan menghormati hak asasi manusia individu. Kita tidak akan melakukan diskriminasi atau membuat apa-apa yang mencemari martabat mana-mana individu berdasarkan kewarganegaraan, kaum, etnik, agama, ideologi, jantina, umur, kecacatan, identiti jantina, orientasi seksual, pendapat politik atau pendapat lain-lain, status pekerjaan, atau ciri-ciri dilindungi yang lain sepertimana ditakrifkan bawah undang-undang dan peraturan kebangsaan / serantau.
- **Gangguan:** Kita komited menjauhi daripada sebarang tingkah laku, pertuturan, atau penglibatan

dalam apa jua bentuk gangguan yang boleh menyebabkan kecederaan, baik mental mahupun fizikal, terhadap pihak lain.

- Buruh Paksa dan Buruh Kanak-kanak: Kita tidak akan terlibat dalam buruh paksa, buruh kanak-kanak, ataupun sebarang bentuk perhambaan moden termasuk pemerdagangan manusia. Kita mengiktiraf bahawa kanak-kanak, wanita dan pekerja hijrahan berada dalam golongan yang paling rentan dan terpinggir dalam masyarakat. Selari dengan komitmen kita terhadap prinsip-prinsip Perjanjian Sejagat PBB dan sumber undang-undang antarabangsa hak asasi manusia yang lain, kita mengaku janji akan menghormati Hak dan Prinsip Perniagaan Kanak-kanak, serta Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Hijrahan dan Ahli Keluarga Mereka.
- Kebebasan Berpersatuan dan Hak Perundingan Bersama: Kita akan menghormati kebebasan berpersatuan dan hak perundingan bersama. Sekiranya hak kebebasan berpersatuan dan perundingan bersama terbatasi bawah undang-undang dan peraturan kebangsaan / serantau di negara dan rantau tempat kita berniaga, atau tidak memenuhi piawai hak asasi manusia antarabangsa, maka kita akan mencari jalan untuk menjaga hak-hak tersebut dengan membina saluran hubungan alternatif dengan pekerja.
- Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan: Kita akan mengikuti perkembangan undang-undang dan peraturan mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat kerja kita serta status pelaksanaan perkara itu, dan sentiasa berusaha mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.
- Waktu Bekerja dan Upah: Kita akan mematuhi piawai antarabangsa mengenai waktu bekerja dan kesemua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan waktu bekerja di negara dan rantau tempat kita berniaga, dan kita akan berusaha mengurangkan sikap bekerja melampaui kemampuan dalam kalangan pekerja kita. Kita juga akan mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan pengupahan di negara dan rantau tempat kita berniaga. Kita akan mencapai pengupahan yang adil, yang bukan setakat mematuhi upah minimum, menurut undang-undang dan peraturan setiap negara.
- Impak dalam Rantaian Bekalan: Kita akan berusaha supaya arif tentang rantaian bekalan kita

termasuklah rakan niaga dan sub-kontraktor kita. Kita akan mengesahkan dan menilai status pematuhan pembekal kita terhadap piawai yang sepadan dengan Prinsip-prinsip ini serta sepertimana dikehendaki bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kita juga akan berhubung dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menggalakkan pematuhan hak asasi manusia sepanjang rantai bekalan kita.

- **Impak dalam Masyarakat:** Kita mengakui bahawa operasi perniagaan kita boleh memberikan kesan hak asasi manusia terhadap masyarakat, seperti hak tanah, akses kepada air, kesihatan, dan hak orang asal. Kita menghormati Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal, dan apabila kita mengambil tanah (termasuk melalui pembelian, pajakan atau penggunaan), kita akan berbuat demikian melalui rundingan yang adil dan mematuhi undang-undang, dengan cara yang sepadan dengan bahagian-bahagian relevan daripada Piawai Pelaksanaan IFC dan menurut prinsip keizinan yang diberikan secara bebas, terdahulu dan termaklum. Kita komited untuk menjunjung tanggungjawab hak asasi manusia kita dalam masyarakat yang kita beroperasi, dan bertujuan menyumbang kepada masyarakat yang lestari.

Mekanisme Aduan

Pekerja-pekerja yang menyaksikan atau mengesyaki kemungkinan pengingkaran undang-undang dan peraturan berkenaan di negara dan rantau tempat kita berniaga atau pengingkaran dasar dalaman kita, digalakkan agar melaporkan kekhawatiran mereka kepada penyelia mereka dan/atau melalui talian penting / sistem aduan dalaman kita. Kita juga mempunyai sistem penyiasatan yang boleh digunakan oleh pihak berkepentingan luar Kumpulan Asahi untuk memberitahu tentang pengingkaran atau tindakan yang mungkin mengingkari Prinsip-prinsip ini.

Kita akan mengguna pakai mekanisme aduan, sama ada yang melibatkan badan kehakiman atau tidak, supaya dapat memberikan penyelesaian selain daripada yang kita tawarkan, dan kita tidak akan menghalang akses kepada mekanisme kehakiman atau bukan kehakiman oleh pihak yang membuat dakwaan tentang impak hak asasi manusia yang mungkin berlaku.

Kita tidak akan meminta mana-mana individu atau masyarakat yang terkesan oleh operasi perniagaan kita, untuk menyetepikan hak undang-undang mereka untuk membuat tuntutan melalui mekanisme aduan kehakiman atau bukan kehakiman yang lain, sebagai syarat menerima penyelesaian melalui mekanisme aduan kita, dan menghendaki peruntukan kerahsiaan (cth: perjanjian kerahsiaan) berkaitan

isu hak asasi manusia.

Kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan membalas dendam terhadap pihak yang menyuarakan kebimbangan mereka dengan niat suci atau yang bekerjasama dalam penyiasatan kita. Laporan atau pemberitahuan sedemikian meningkatkan ketelusan operasi perniagaan Kumpulan Asahi serta memperkukuh semangat saling percaya antara kita dengan pemegang taruh kita.

Kesedaran dan Latihan

Demi melaksanakan dan mematuhi Prinsip-prinsip ini dalam keseluruhan Kumpulan Asahi, kita akan menterjemahkan Prinsip-prinsip ini ke dalam bahasa-bahasa yang relevan dengan negara dan rantau tempat kita berniaga, di samping menjalankan latihan dan didikan dalam kalangan semua pegawai dan pekerja.

Pemantauan dan Pelaporan

Kita akan sentiasa menjejaki pelaksanaan Prinsip-prinsip ini, dan membuat penambahbaikan yang perlu. Kita akan menzahirkan, secara berkala, pelaksanaan Prinsip-prinsip ini melalui laman sesawang, Laporan Bersepadu dan saluran komunikasi lain yang relevan.

Prinsip-prinsip ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Asahi Group Holdings, Ltd. pada 8 Disember 2023.

8 Disember 2023

Atsushi Katsuki

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Wakil
Asahi Group Holdings, Ltd.